- Specially-designed individual and group packages for all countries covering airfare, accommodation as well as pre and post-congress tours give potential delegates better and wider choices.
- Online registration facility will be launched in November 2009 and opened in January 2010.
- Marketing the Congress to all 157 IFAC member bodies in 123 countries. As of 30 June 2009, MIA has reached 110 member bodies and 49 hyperlinks have been established.
- Progressive increase in database which now has 2,837 names collected through registration of interests in the Congress website, during road shows, exhibitions and meetings. To maintain their interests, congress newsletters are sent to them periodically.
- Meetings were held with several Malaysian-based foreign embassies and high commissions from January–June 2009. The main focus was to explore promoting WCOA 2010 to their government agencies and trade commissions.
- The Congress promotional video was produced and disseminated to IFAC member bodies in May 2009. It provides an overview of the Congress and the host country, the video will also be produced in various languages.
- Three-tier sponsorship packages for accountancy-related organisations in the first instance and subsequently for other interested parties. Press release on the first 3 gold sponsors was featured on IFAC Global Digest, the sponsors' websites etc. Strong sponsorship support will add further credibility and prestige to the Congress.
- Timely execution of activities planned for third and fourth quarters of 2009 will ensure uninterrupted work flow and smooth progress towards the end of 2009.

Notwithstanding the progress which has been made, the Organising Committee is highly committed to delivering all-round participant satisfaction at the Kuala Lumpur WCOA 2010.

To reach more than 2.5 million accountants worldwide, it has also drawn up new marketing strategies to widen the range of effective marketing activities.

HUMAN RESOURCES

Throughout the financial year, the Management Centre continued to spearhead the execution of various initiatives towards fulfilling MIA's strategic objectives under the guidance of the Council.

With the implementation of the three (3) years Operational Plan effective 1 July 2008, there was therefore a paradigm shift in how the staff of the Institute had to work to achieve the objectives of the Institute.

To drive the paradigm shift to achieve the desired results, MIA had appointed a Chief Executive Officer (CEO) on 6 October 2008.

The Management Centre, under the stewardship of the CEO, had further re-aligned the management structure on 1 January 2009 to meet the expectations of stakeholders especially in relation to protecting public interest and ensuring the performance of MIA members are at par with best professional and international standards.

As a service provider to its members, MIA recognises that investment and retention of quality personnel is crucial to its success and believes that MIA's strengths strongly lies in its employees in order to promote and sustain its drive.

In line with this, MIA has continued to focus and invest in its employees which include:

- Recruitment of key positions in particular the Technical and Surveillance Divisions;
- Training and development;
- Providing an equitable and competitive remuneration package; and
- Rewarding quality employees through a fair performance measurement system.

COMMUNICATIONS

MIA continues to emphasise the regulatory role that MIA plays in ensuring that credibility in the profession is maintained in ensuring that public interest is protected in its various communications and public relations initiatives.

MIA works toward sending out messages to our stakeholders—both internal and external—that are in line with our strategy which entails:

- Education & development;
- Adherence to professional standards and practices; and
- Effective surveillance and enforcement.

The objective is to convey a single, consistent and recurring theme—that is 'credibility'—to all its target audiences.

MIA's communication with stakeholders aims to ensure that the credibility theme is reflected through MIA's overall branding and visibility strategy, its corporate identity, and its various communication channels with both internal and external stakeholders.

In supporting MIA to ensure clear and consistent messages are conceptualized and communicated, the Communications Department carried out the following activities:

OBJECTIVE	ACTIVITY/INITIATIVE	OUTCOME
1 To create more visibility for MIA in the media.	MIA Column in Financial Daily.	Secured weekly column from January 2009 – June 2009.
	MIA Column In Nanyang Siang Pau.	Secured weekly column from February 2009 – July 2009.
	Dissemination of press releases to highlight new developments or MIA's opinions in areas that are relevant to the profession.	Issued 25 press releases on topical issues.
2 To ensure that MIA continues to project a strong image as a regulatory body via a consistent and concerted branding strategy.	To act as brand guardians of the Institute by implementing the Corporate Identity Manual.	The Corporate Identity Manual was implemented on 1 April 2009.
3 To enhance Communications stakeholders.	MIA's with	
	To ensure that MIA's magazine Accountants Today acts as an effective voice of the profession.	The first issue of the revamped magazine was published on 1 August 2009.
	To ensure that the MIA website is revamped to project a neater and more contemporary feel.	The revamped MIA website went live on 1 May 2009.
	To reach out to a younger crowd through the use of social networking tools.	MIA established a Facebook Group and also managed to reach out to members through the establishment of the President's blog.

FINANCIAL REVIEW

MIA's revenue for the financial year ended 30 June 2009 is RM20.15million or 8% higher than the revenue of RM18.8 million for the previous financial year, but the deficit before tax is reported at RM617,819 compared to the surplus before tax for the previous year of RM206,250.





The increase in revenue of 8% is mainly contributed by the subscription fee received from new members of RM105,600 and income from Continuing Professional Education (CPE) events of RM1.5 million. However the cost increased in human resource and related cost has eroded these surplus.

Headcount has increased in strengthening the quality of the technical support to service members in the areas of technical and standards and MIA has also strived to perform its regulatory functions more effectively. MIA recognised that being a regulator as well as in the service industry, investment in quality personnel is crucial to the success of the organisation.

Moving forward, MIA endeavors to strengthen its income generating activities with a view to achieve a self financing organisation.

	2009	2008	2007	2006	2005	2004	2003
Membership income (RM '000)	7,900	7,794	7,351	7,126	6,831	6,536	6,324
Surplus / (Deficit) before taxation (RM '000)	(618)	206	100	131	1,076	1,462	1,739
Net Assets (RM '000)	10,015	10,527	10,487	10,524	10,535	9,631	8,417
Number of members	25,631	24,719	23,558	22,458	21,289	20,019	18,436
Net Assets per member (RM)	391	426	445	469	495	481	457

KEY FINANCIAL PERFORMANCE



The branches provide general membership support, such as organising training events, members' dialogues and responding to general membership enquiries, to members located outside the Klang Valley. The branches also play an important role to establish and build relationships with its stakeholders, especially the local authorities and business community, to increase the profile of the Institute. Members' feedback is also channelled to the Institute through the branches.

Johor

In Johor, the branch organised its annual dinner on 29 August 2009 at Danga Bay Cruise which was attended by 340 members. MIA President, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff who was present also chaired a Members Dialogue prior to the dinner. To encourage students to take up accountancy as a profession, career talks were held at Sunway College (on 13 December 2008 and 14 March 2009) which was attended by 63 students and at Kolej Professional MARA Bandar Penawar (on 30 April 2009) which attracted an attendance of 96 students.

Negeri Sembilan

Negeri Sembilan had an eventful year after being fairly quiet in the past years. The branch actively set out to reach members in the state and organised activities which would bring members together such as holding a series of evening talks, a Hari Raya gathering and a visit to the Rhema Children Welfare Home whereby members contributed cash and kind to the home. To promote the MIA and the Institute, the branch paid a courtesy call on the Menteri Besar of the state, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan on 22 April 2009 and the local IRB state and Seremban branch directors.

The year culminated in the branch annual dinner held on 30 May 2009 which was attended by more than 200 members, their spouses, invited officers from the local authorities and friends. Prior to the dinner, MIA President met with members who were able to provide their feedback and allowed the President to share his thoughts on MIA and the profession.

Penang

Penang had another busy year. The highlight of the year was the MIA-Bursa Malaysia Business Conference held on 23 October 2009 which brought together 200 participants from the local business community. The Conference was followed by a Gala Dinner which was attended by 330 diners who enjoyed a wonderful evening of good entertainment and a sumptuous meal. Collaborating with the Inland Revenue Board (IRB), the branch successfully organised 2 seminars, of which one was repeated due to high demand, on "New 2009 Schedular Tax Deduction and Update on E-Filing" which was attended by a total 242 participants. As part of the Branch's community service, working with IRB again, the branch organised the "Tax Payers Awareness Day" held on 13 April 2009 to assist members of the public on enquiries and e-filing of their tax returns.

During the year, numerous courtesy visits were made to various local authorities such as the IRB, Companies Commission of Malaysia (CCM), local offices of the Ministry of International Trade and Industry, Malaysian Industrial Development Authority, local Municipal Council and various other local trade and business associations.

Perak

The Perak Branch paid a courtesy visit to the local IRB state and branch directors on 6 May 2009 to continue the branch's good relationship with the board.

Sabah

The Regional Conference which is generally rotated amongst the 4 branches of Johor, Penang, Sabah and Sarawak, set up base in Kota Kinabalu from 18 to 19 August 2008. Themed, "Sabah: Bridging The Economic Corridors", the conference drew 300 participants from both local and outside the state. As tradition dictates, the branch had its 41st anniversary dinner which was held at the end of the first day of conference.

Like the other states, Sabah branch enjoys good relationships with local authorities, such as the IRB, the state's Ministry of Tourism, Culture and Environment and Ministry of Education, and local offices of the Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) and Human Resource Development Fund (HRDF). Demonstrating that accountants too have a heart, community service projects were initiated during the year with the local Chapter providing assistance to the Sabah Cheshire Home in Sandakan and the branch, the Don Bosco Children Home in Ranau.

Sarawak

Sarawak Branch, like the Sabah branch, has geographic challenges whereby, its members are wide spread throughout the state. Chapter Chairmen and management staff who visit the chapters, continuously provide feedback from members to ensure that services are provided at the highest level possible. To reach out to students outside Kuching, 2 accountancy career talks were held in Sibu and Bintulu in collaboration with the professional accounting bodies. The number of students who attended both the talks was encouraging.

Laporan Majlis: Pendidikan & Pembangunan

PENDIDIKAN

MIA menyokong dan menggalakkan pembangunan pendidikan perakaunan di negara ini. Pada masa yang sama, ia juga memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang perlu agar para ahli MIA dan bakal akauntan bersedia untuk menghadapi cabaran global dengan memahami keperluan semasa dan masa depan profesion perakaunan. Bagi mencapai tujuan ini, MIA bertindak sebagai pemangkin dalam menyatukan para pendidik dan para pengamal di seluruh negara dan menyediakan saluran sesuai untuk kekal peka dengan perkembangan pendidikan perakaunan.

Fungsi-fungsi kawal selia antaranya adalah:

1. Untuk mengenal pasti kelayakan permohonan Peperiksaan Kelayakan (QE) MIA dan memantau pengendalian MIA QE Institut.
2. Untuk menjalankan semakan semula akreditasi bagi tujuan kemasukan para ahli.
3. Untuk menyemak semula standard kurikulum dan sukatan pelajaran badan-badan perakaunan profesional dan universiti.

Terdapat dua buah Jawatankuasa yang menyelia fungsi-fungsi ini, dinamakan Jawatankuasa Peperiksaan dan Jawatankuasa Pendidikan.

MIA turut membantu dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB), Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC).

Dalam melaksanakan objektif-objektif yang melibatkan segmen pendidikan, MIA menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

OBJEKTIF	AKTIVITI/INISIATIF	PENCAPAIAN
1 Meningkatkan bilangan akauntan berkanun MIA	Peperiksaan Kelayakan MIA pada bulan September 2008 dan Mac 2009	Seramai 12 orang calon telah berjaya menyelesaikan peperiksaan dan layak untuk menjadi ahli MIA
2 Memperkukuhkan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan utama	Perbincangan Meja Bulat tentang Pertumpuan (convergence) IFRS dengan para akademik	Membentuk perkaitan industri yang mana para pensyarah dapat membincangkan sebarang perkembangan dan/atau isu-isu bersama-sama dengan para pengamal yang mana hasilnya dapat dikongsi dengan para pelajar
3 Meningkatkan bilangan dan prestasi calon-calon MIA QE	Program Tuisyen MIA QE untuk calon-calon	Meningkatkan sokongan para akademik
4 Meningkatkan kualiti kelayakan perakaunan untuk tujuan kemasukan sebagai ahli MIA	Semakan semula akreditasi program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) yang dianugerahkan oleh Universiti Industri Selangor (UNISEL)	Menangguhkan pengiktirafan untuk menambah baik program
5 Mempromosikan profesion dan menanam minat dalam profesion perakaunan di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi dalam negara dan di sekitar rantau ASEAN.	Mengadakan ceramah kerjaya.	26 ceramah kerjaya telah dijalankan oleh MIA.
6 Membentuk kes yang akan digunakan oleh universiti-universiti di bawah kursus yang baru diperkenalkan yang dinamakan Kajian Kes Bersepadu (ICS).	Perkembangan kajian kes bersepadu	Dua bengkel telah berjaya dianjurkan pada 19 & 20 Disember 2008 dan 6 & 7 Februari 2009 yang telah dihadiri oleh 20 orang peserta. Terkini, ia dalam proses untuk mengakhiri kes bahagian pertama.

BILANGAN CERAMAH KERJAYA (JULAI 2008–JUN 2009)

KATEGORI	SESI
Sekolah menengah	3
Institusi Pengajian Tinggi Awam	14
Institusi Pengajian Tinggi Swasta	7
Institusi Pengajian Tinggi (Asean)	2
JUMLAH	26

PEPERIKSAAN

Peperiksaan Kelayakan MIA

Peperiksaan Kelayakan MIA bagi kali kesebelas dan kedua belas telah berjaya dijalankan pada 16 & 18 September 2008 dan 25 & 26 Mac 2009 di lima buah pusat, iaitu, UiTM Shah Alam dan Pejabat Cawangan MIA di Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan Johor Bahru. Seramai 197 dan 184 orang calon telah menduduki peperiksaan pada bulan September 2008 dan Mac 2009.



Keputusan peperiksaan untuk bulan September 2008 amat memuaskan dengan terdapat peningkatan untuk kertas peperiksaan Percukaian dan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan jika dibandingkan dengan peperiksaan sebelum ini. Untuk peperiksaan bulan Mac 2009, keputusannya tidak memuaskan berbanding dengan peperiksaan pada bulan September 2008, kerana kadar kelulusan yang rendah kecuali untuk kertas peperiksaan Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans. Prestasi calon-calon dalam kertas peperiksaan ini menunjukkan peningkatan dan dua orang calon telah mendapat kepujian. Terdapat 12 orang calon yang telah berjaya menyelesaikan peperiksaan ini dan ini telah meningkatkan bilangan graduan kepada 90 orang secara keseluruhannya.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN SEPTEMBER 2008

PANGKAT	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
Lulus dengan kepujian	0	0	0	0
Lulus	17	6	17	6
Gagal	42	52	42	45
Tidak Hadir	2	15	11	11
JUMLAH	61	73	70	62

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN MAC 2009

PANGKAT	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
Lulus dengan Kepujian	3	0	0	2
Lulus	5	5	11	16
Gagal	27	63	38	26
Tidak Hadir	5	14	12	9
JUMLAH	40	82	61	53



NOTA

CUKAI	Percukaian
BCL	Undang-undang Perniagaan dan Syarikat
AFAR	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan
AUD	Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans

Program Tuisyen QE

Berdasarkan laporan penyelidikan tentang prestasi MIA QE, mod belajar sendiri jelas tidak cukup untuk menyediakan calon-calon menghadapi peperiksaan. Oleh itu, MIA telah mengambil inisiatif baru untuk meningkatkan sokongan akademik dengan menyediakan program tuisyen kepada calon-calon QE.

Objektif Program Tuisyen QE adalah untuk membimbing calon-calon agar lebih memahami subjek QE dan teknik-teknik peperiksaan menerusi pendekatan yang sistematik dan menyeluruh. MIA telah melantik fasilitator di kalangan para akademik dari institusi-institusi pengajian tinggi yang terkenal dan juga para pengamal yang mempunyai pengalaman mengajar yang luas dalam bidang berkaitan perakaunan dan perniagaan.

Kelas-kelas dijalankan pada hujung minggu dan distrukturkan untuk 60 jam bagi setiap kertas peperiksaan. Kelas pertama telah diadakan pada 30 Mei 2009 untuk calon-calon yang bercadang untuk menduduki peperiksaan September 2009. Seramai 118 orang calon mengikuti program tersebut.

AKREDITASI

Permohonan untuk akreditasi bagi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang dianugerahi Universiti Industri Selangor (UNISEL)

Setelah mempertimbangkan dengan teliti dan berbincang dengan panjang lebar, Majlis MIA pada mesyuaratnya yang diadakan pada 27 Mac 2009, telah memutuskan untuk menangguhkan pengiktirafan program tersebut. UNISEL telah diberi tempoh selama satu tahun untuk proses ratifikasi bagi membolehkan mereka memasukkan dan melaksanakan cadangan-cadangan dan usul-usul di semester baru nanti. Setelah UNISEL memperbaiki dan mengenal pasti usul-usul yang dicadangkan, mereka perlu memaklumkan Institut dan menghantar dokumen-dokumen yang perlu untuk disemak semula.

PIAWAIAN DAN AMALAN PROFESIONAL

MIA menggalakkan pematuhan kepada piawaian dan amalan profesional (PSP) bagi memastikan kelakuan para ahlinya mendapat keyakinan dan kepercayaan umum. Untuk itu, nilai dan amalan profesional selaras dengan keperluan global adalah digalakkan menerusi pelbagai inisiatif.

Fungsi PSP terdiri dari divisyen berikut:

- Pengauditan dan Asurans
- Perakaunan dan Jawatankuasa Pelaksanaan
- Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC)
- Etika
- Percukaian
- Garis panduan Kawal selia

Bagi menyokong objektif di atas, Jabatan telah menjalankan, antaranya, aktiviti-aktiviti berikut:

OBJEKTIF	AKTIVITI/ INISIATIF	PENCAPAIAN
1 Untuk menyerlahkan keprihatinan pihak kawal selia dan syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia dan menumpukan kepada kepentingan peranan pihak-pihak berkepentingan dalam rantaian pelaporan kewangan.	Sebuah forum telah diadakan di Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 10 Februari 2009 Tajuk forum ialah 'Financial Reporting During Financial Turbulence'.	Penyertaan datang dari pelbagai pihak yang berkepentingan seperti pengarah-pengarah syarikat-syarikat tersenarai awam (PLC), ahli-ahli jawatankuasa audit, juruaudit-juruaudit syarikat-syarikat tersenarai awam, Pengarah Kewangan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) syarikat-syarikat tersenarai awam. Ahli panel datangnya dari SC, Bursa Malaysia, Rakan kongsi Audit dan Presiden MIA untuk menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan.
2 Untuk meningkatkan dan memperkukuhkan fungsi-fungsi pembentukan piawaian MIA bagi menanamkan keyakinan pada pihak kawal selia dan pihak-pihak yang berkepentingan.	Pelancaran Lembaga Piawaian Etika dan Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans telah diadakan pada 9 Jun 2009 di Suruhanjaya Sekuriti dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Chor Chee Heung.	Pelancaran telah disaksikan oleh pihak kawal selia, firma-firma audit dan para akademik.
3 Untuk menyebarkan nilai tadbir urus korporat terbaik dalam Minggu Tadbir Urus Korporat di Bursa Malaysia.	MIA telah mengendalikan satu sesi semasa Minggu Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia. Sesi MIA bertajuk 'Strengthening Financial Reporting Chain in Enhancing Corporate Governance'.	Ahli panel terdiri dari Presiden MIA Nik Mohd. Hasyudeen Yusoff, Sukanta Dutt, Dato' Khalid Ahmad dan Jeremy Nasrulhaq. Para peserta di Bursa terdiri dari pengarah-pengarah PLC, CFO, Pengarah Kewangan.
4 Untuk menyediakan panduan kepada para pengamal dalam mengguna pakai ISAs dalam pengauditan SMEs.	Pelancaran Buku Panduan Audit untuk pengauditan SMEs dengan kerjasama Institute of Chartered Accountants in Australia (ICAA).	Ahli-ahli boleh memuat turun Buku Panduan Audit di http://www.mia.org.my/audit_manual Pelancaran Buku Panduan Audit telah dirasmikan oleh Timbalan CEO Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Zahrah Abdul Wahab Fenner dan CEO ICAA, Graham Meyer. Peserta terdiri dari para pengamal pengauditan kecil dan sederhana dan para akademik.
5 Pembelajaran dan pendidikan konsensus FRSIC dan pertumpuan (convergence) IFRS secara keseluruhan.	8 seminar FRSIC telah dijalankan meliputi bandar-bandar utama (KL, PJ, JB, Penang, KK, Kuching, Seremban dan Kuantan).	Para peserta terdiri dari para pengamal dan Akauntan Profesional Dalam Perniagaan (PAIB).
6 Mempertimbangkan implikasi cukai utama berkaitan dengan FRS.	Pembentukan Kumpulan Kerja Cukai Bersama tentang FRS, pihak-pihak yang terlibat ialah Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) dan MIA.	Penyemakan semula undang-undang semasa untuk menyerlahkan implikasi cukai utama berkaitan dengan FRS sedang dijalankan.
7 Untuk menyemak dan mengkaji semula Nota Panduan Insolvensi (IGN).	Kumpulan Kerja Amalan Insolvensi kerap mengadakan pertemuan untuk menyemak dan mengkaji semula IGN.	Semakan di peringkat akhir IGN yang telah dikaji semula dan yang baru kini sedang dijalankan.

AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN

MIA terus menjalankan projek-projek untuk membangun dan menyokong para ahli yang merupakan akauntan profesional dalam perniagaan di negara ini. Ia juga berusaha untuk menyediakan tapak untuk memudahkan pertukaran maklumat berkenaan perkembangan semasa dan isu-isu yang timbul yang memberi kesan kepada profesion dan menggalakkan amalan terbaik global untuk menambahbaikkan profesion.

Matlamat fungsi ini adalah selaras dengan objektif strategik Institut dalam menyediakan pemimpin pemikir kepada pihak-pihak berkepentingan dan perkhidmatan terbaik kepada para ahli Institut dengan mengekalkan dan meningkatkan reputasi dan status Institut dan para ahlinya dalam bidang teknikal.

Bagi menyokong MIA dengan objektif-objektif ini, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan:

OBJEKTIF	AKTIVITI/ INISIATIF	PENCAPAIAN
1 Untuk memahami perkhidmatan sokongan perniagaan yang membantu Syarikat-syarikat Kecil dan Sederhana (SMEs) dalam membangunkan kelebihan bersaing. Untuk mengenal pasti jenis perkhidmatan yang diperoleh oleh SMEs dari akauntan luar dan tahap kepuasan mereka dari perkhidmatan ini. Sumber maklumat untuk strategi MIA dalam membangunkan SMP dan akauntan profesional dalam perniagaan bagi menyokong pembangunan negara	Sebuah projek penyelidikan untuk mengkaji '<i>Current Usage Patterns of Business and Professional Services among Small and Medium Enterprises (SMEs) in the Manufacturing and Distributive Trade Sectors</i>' telah dijalankan.	Pembentangan penghasilan di Persidangan Akauntan Kebangsaan 2008. Laporan Kaji selidik SME telah diterbitkan dan dimuat naik di laman web MIA: http://www.mia.org.my/smesurvey Menyerlahkan peluang-peluang kepada akauntan untuk memberi khidmat kepada keperluan-keperluan SMEs.
2 Untuk mengenal pasti pengarang-pengarang artikel-artikel yang terbaik yang dihakimi berdasarkan sumbangan yang bermakna dan bermanfaat kepada perkembangan peranan dan bidang akauntan profesional dalam perniagaan.	Menganjurkan Anugerah Artikel Merit MIA tentang PAIB 2008.	8 buah artikel telah dipilih sebagai pemenang e-buku untuk artikel-artikel yang menang telah dimuat naik di laman web: http://www.mia.org.my/paib/articles_ebook.htm
3 Untuk mengiktiraf dan menggalakkan penggunaan amalan terbaik dalam pengurusan perakaunan ke atas prestasi perniagaan bertaraf dunia di kalangan organisasi-organisasi di Malaysia. Untuk menggalakkan dan menyerlahkan peranan akauntan profesional dalam perniagaan dalam prestasi perniagaan yang berjaya.	Menganjurkan dengan kerjasama CIMA Divisyen Malaysia, Anugerah Kebangsaan untuk Pengurusan Perakaunan 2008.	Anugerah-anugerah telah disampaikan kepada para pemenang di majlis makan malam pada bulan Disember 2008. Kajian kes untuk pemenang-pemenang tahun sebelumnya sedang disemak semula dan akan diterbitkan.

HAL EHWAL ANTARABANGSA DAN PROJEK-PROJEK KHAS

MIA mengekalkan hubungan-hubungan luar Institut dengan badan-badan perakaunan negara-negara lain dan serantau, dan menguruskan proses globalisasi dan liberalisasi sektor perkhidmatan perakaunan di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala. MIA juga memantau serta mengedarkan maklumat tentang trend global dan perkembangan profesion perakaunan menerusi fungsi ini.

Antara pencapaian utama termasuklah:

OBJEKTIF	AKTIVITI/ INISIATIF	PENCAPAIAN
1 Untuk memastikan kedudukan dan kepentingan para ahli tidak kompromi dalam proses liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan.	Penyertaan dalam perundingan dan menyediakan input kepada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Akauntan Negara (AGO) berkaitan dengan Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS), Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) dua hala yang lain.	• ASEAN (AFAS) MIA memainkan peranan menyokong Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan ASEAN (CCS) untuk melengkapkan proses mendraf Rangka kerja Penyusunan Pengiktirafan Bersama ASEAN tentang Perkhidmatan Perakaunan (Rangka Kerja MRA). MRA telah ditandatangani pada 26 Februari 2009 yang mana Menteri-menteri Ekonomi ASEAN berkumpul di Bangkok, Thailand. Perundingan untuk pakej komitmen AFAS yang baru turut dilaksanakan. MIA telah menghantar tawaran yang diperbaiki bagi menghadapi pusingan perundingan yang akan datang. • Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) MIA terus menyediakan maklum balas yang perlu dan kedudukan berkenaan dengan pelbagai FTA yang sedang berjalan yang dirundingkan oleh Malaysia.
2 Menggalakkan kepentingan profesion di Malaysia dan meningkatkan reputasi MIA di peringkat antarabangsa.	1) Penglibatan dalam Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA). 2) Penyertaan dalam Persekutuan Akauntan Asian dan Pasifik (CAPA).	• MIA menjadi hos kepada Mesyuarat Majlis AFA yang ke-95 yang telah diadakan di Kuala Lumpur. • MIA terus memainkan peranannya sebagai Koordinator Projek AFA untuk projek-projek yang telah dikenal pasti dalam Pelan Strategik dan Operasi AFA 2008-2011. • MIA melancarkan laman web AFA yang baru, www.aseanaccountants.org. Laman web mengandungi maklumat-maklumat tentang kesemua ahli Utama dan Bersekutu AFA di samping maklumat terkini tentang AFA dan aktiviti-aktiviti ahli AFA dan berita-berita perakaunan dari seluruh dunia. Penyelenggaraan laman web dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa dengan sokongan teknikal dari Jabatan IT. • MIA menerbitkan Laporan Tahunan AFA 2008 yang menyenaraikan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh AFA menurut Pelan Strategik dan Operasi sepanjang tahun 2008. • Institut merupakan ahli Lembaga CAPA dan turut terlibat dalam dua buah Jawatankuasa dan Badan Bertindak dalam CAPA, iaitu Jawatankuasa Strategik dan Kajian Semula Tadbir Urus di samping Badan Bertindak untuk Perakaunan Persekitaran CAPA dan Projek CSR; sebuah projek berkenaan dengan isu perubahan cuaca dan bagaimana untuk menguruskan gas rumah hijau.

Hal Ehwal Antarabangsa dan Projek-projek Khas
–sambung

OBJEKTIF	AKTIVITI/ INISIATIF	PENCAPAIAN
3	3) Mempromosi Hubungan Antara Agensi.	• Pada bulan Julai 2008, Institut mengadakan perjumpaan dengan Chinese Institute of Certified Public Accountants. Tujuan utama mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan cadangan kerjasama di masa depan antara kedua-dua buah badan dan mempromosikan WCOA 2010 kepada CICPA. • Pada bulan Oktober 2008, sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Institut dengan Ikatan Akuntan Indonesia (IAIA) yang menumpukan tentang kerjasama dalam bidang seperti bahan-bahan pendidikan untuk IFRS bagi universiti, perkembangan kajian kes dan transaksi perakaunan berasaskan syariah. • Pada bulan Januari 2009, pegawai-pegawai dari Cambodia yang terdiri dari wakil-wakil dari National Accounting Council (NAC), juga pegawai-pegawai dari Stock Exchange Commission of Cambodia (SECC), Kampuchea Institute of CPA and Auditors (KICPAA) dan juga ACCA Cambodia telah melawat MIA. Tujuan lawatan sambil belajar mereka adalah untuk memahami peranan MIA dalam mengawal selia juruaudit, proses pelesenan audit dan sekatan atas tidak pematuhan peraturan-peraturan dan juga peranan MIA serta sumbangan kepada perkembangan rangka kerja pelaporan kewangan di Malaysia. • Pada bulan Mei 2009, MIA telah diberi penghormatan menjadi badan pencalonan untuk Brunei Institute of Certified Public Accountants (BICPA) dalam permohonannya untuk menjadi ahli IFAC.

PUSAT PENGEMBANGAN PROFESIONAL MIA

Pusat Pengembangan Profesional MIA—MPDC (dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Profesional Berterusan) diamanahkan dengan tanggungjawab mengekalkan kompetensi profesional para ahli MIA dan membangunkan bukan ahli yang bekerja dan menyokong profesion perakaunan, khususnya dalam rantaian pelaporan kewangan.

Sebagai unit perniagaan strategik Institut, MPDC berusaha meletakkan dirinya sebagai pusat kecemerlangan untuk pendidikan profesional berterusan dan skil serta perkembangan ilmu pengetahuan untuk profesion perakaunan secara keseluruhannya di Malaysia. Fungsi strategik khusus MPDC ialah:

- Untuk mengekalkan kompetensi profesional para ahli MIA dari sudut pengetahuan dan skil menerusi program-program latihan, seminar, kursus, forum dan persidangan pendidikan profesional berterusan.
- Untuk memperkembangkan pengetahuan dan skil bukan ahli yang bekerja dan menyokong profesion perakaunan menerusi program-program latihan dan seminar-seminar.
- Untuk menjana pendapatan untuk Institut bagi menyediakan sokongan dana untuk aktiviti-aktiviti penting lain yang tidak menjana pendapatan seperti piawaian dan amalan profesional serta pengawasan dan penguatkuasaan, yang dijalankan atas kepentingan umum.

Fungsi strategik MPDC adalah selaras dengan strategik keseluruhan Institut bertujuan untuk mengekalkan kredibiliti profesion perakaunan untuk meningkatkan kepentingan awam dan juga untuk berkhidmat dan menjaga secara efektif kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan Institut.

Prestasi MPDC

Fungsi MPDC termasuk tetapi tidak terhad kepada menjalankan kerja-kerja penyelidikan am tentang keperluan latihan dan topik, merumuskan aktiviti-aktiviti berpendidikan, mendapatkan fasilitator atau rakan kongsi yang terjamin, pemasaran dan promosi, dan memastikan ia berlangsung mengikut jadual. Tugas MPDC lebih tertumpu pada bidang topik teknikal berkaitan profesion perakaunan. Tambahan lagi ia juga memperlengkap tugas utama dengan aplikasi IT dan program kemahiran insaniah. Tugas ini dikategorikan kepada peringkat operasi, taktikal dan strategik dan disediakan untuk para ahli MIA dan yang lain dalam profesion perakaunan. Para ahli MIA ditawarkan yuran istimewa berbanding yuran tetap untuk yang lain. Selain dari program dan seminar latihan, MPDC turut menganjurkan persidangan-persidangan iaitu aktiviti utama Institut—Persidangan Akauntan Kebangsaan dan Persidangan Serantau MIA, dan aktiviti khas yang berkaitan dengan profesion perakaunan.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009, MPDC telah berjaya menghasilkan dan menyampaikan 492 buah aktiviti berpendidikan, yang termasuk 77 tajuk baru. Sepanjang tahun, MPDC memaparkan 75 pakar-pakar industri sebagai fasilitator

dan penceramah untuk aktiviti-aktivitinya, yang termasuk 35 orang penceramah baru. Berikut adalah kategori aktiviti-aktiviti berpendidikan yang disampaikan oleh MPDC sepanjang tahun kewangan:

KATEGORI	BIL. ACARA	%
FRS & Perakaunan Kewangan	128	26%
Pengauditan & Asurans	43	9%
Percukaian	71	14%
Perakaunan Pengurusan	52	11%
Perundangan & Tadbir Urus Korporat	15	3%
Perbankan & Kewangan	12	2%
Amalan Awam & Perundingan	13	3%
Aplikasi IT	136	27%
Kemahiran Insaniah	19	4%
Lain-lain	3	1%
JUMLAH	492	100%


Dari sudut jumlah jam yang ditawarkan, ia berjaya mencapai lebih kurang 185,075 jam secara keseluruhan yang mana 60% (111,045 jam) untuk para ahli MIA memenuhi keperluan CPE mereka dan baki sebanyak 40% (74,030 jam) untuk bukan ahli. Dari sudut pendapatan pula, MPDC menjana hasil sebanyak RM9,851,410 dan menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM3,242,772 bagi tahun kewangan untuk tabungan Institut setelah ditolak kos operasi langsung dan tidak langsung.

Bagi memenuhi keperluan CPE para ahli MIA berdasarkan pelbagai lokasi dalam negara, MPDC menganjurkan aktiviti berpendidikannya di Lembah Kelang dan negeri-negeri lain. Berikut adalah lokasi dan bilangan aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun kewangan;


LOKASI	BIL. AKTIVITI	%
Lembah Kelang	346	70%
Pulau Pinang	32	7%
Johor	39	8%
Sarawak	28	6%
Sabah	21	4%
Lain-lain	26	5%
JUMLAH	492	100%

MPDC telah mencapai pertumbuhan berterusan dari sudut bilangan aktiviti berpendidikan yang disampaikan dan penajaan pendapatan untuk Institut. Berikut adalah statistik pertumbuhan bagi lima (5) tahun ke belakang:

Bil. Aktiviti yang disampaikan dari 2005 ke 2009
—Mencapai pertumbuhan purata 12%



Penjanaan hasil dari 2005 ke 2009
—Mencapai pertumbuhan purata 19%



Aktiviti Khusus dan Pencapaian MPDC sepanjang tahun kewangan termasuklah yang berikut;

OBJEKTIF	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1 Untuk menyokong para ahli MIA tentang CPE.	Menganjurkan pelbagai program latihan dan seminar.	- Menyampaikan 492 aktiviti berpendidikan. - Mencapai 185,075 jam latihan.
2 Untuk menyokong para ahli MIA dengan tapak bertaraf dunia untuk pertukaran maklumat dan mengemas kini perkembangan terbaru profesion perakaunan.	Menganjurkan pelbagai persidangan dan acara-acara khas.	- Menganjurkan NAC2008, yang dihadiri oleh 1,987 orang delegasi yang kebanyakannya ahli MIA. - Menganjurkan Persidangan Serantau MIA di Kota Kinabalu, dihadiri oleh 258 orang delegasi. - Menganjurkan seminar antarabangsa dengan kerjasama IFAC, bertemakan 'Accountants in Borderless Society', dihadiri oleh 102 orang delegasi yang kebanyakannya ketua-ketua korporat dan profesional kewangan. - Menganjurkan forum antarabangsa dengan kerjasama CPA Australia, bertemakan 'Firm of the Future', dihadiri oleh 76 orang delegasi kebanyakannya para pengamal. 'Roadshow' Belanjawan 2009, dihadiri oleh lebih dari 1,600 orang peserta kebanyakannya pengamal cukai dan akauntan dalam perniagaan.
3 Untuk menyediakan sokongan kewangan kepada Para Pengamal Kecil dan Sederhana (SMPs) dan kakitangan mereka tentang perkembangan maklumat dan skil.	Mendapat bantuan kewangan dari SMIDEC.	- Memberi subsidi sebanyak 80% ke atas yuran latihan yang dibayar oleh peserta-peserta SMPs. - Berjaya menggunakan sejumlah RM447,252 dalam bentuk subsidi. - Berjaya melatih lebih dari 500 SMPs dan SMEs.
4 Untuk menyampaikan industri bertumpukan pengetahuan kepada para ahli MIA dan yang lain dalam profesion perakaunan.	Perikatan strategik dengan pakar-pakar luar.	136 permohonan program latihan IT dalam persekitaran makmal komputer. - Bengkel tentang E-Lodgment dengan kerjasama SSM. - Seminar sehari tentang kepimpinan oleh John Maxwell. - Persidangan Cukai selama 2-hari dengan kerjasama MATA. - Seminar tentang FRS 139 dengan kerjasama PricewaterhouseCoopers. - Bengkel Inisiatif Kewangan Private (PFI) dengan kerjasama EPU dan PricewaterhouseCoopers. 'Roadshows' dengan kerjasama Labuan IBFC untuk para pengamal.
5 Penjanaan pendapatan untuk Institut.	Menganjurkan program-program latihan, seminar, kursus, forum dan persidangan pendidikan profesional berterusan (CPE).	- Hasil sebanyak RM 9.8 juta. - Untung Bersih RM 3.2 juta.

PEMASARAN & PROMOSI

MIA telah menaikkan status Institut dari sudut pandangan umum dan status para ahli menerusi fungsi-fungsi Jabatan Pemasaran dan Promosi. MIA telah bergiat aktif dalam mempromosi keahlian Institut kepada para ahli yang layak.

Ia memudahkan perkongsian, menerusi kerjasama dengan badan-badan profesional dalam inisiatif-inisiatif seperti pameran pendidikan, ceramah kerjaya, forum dan 'roadshow' bagi meningkatkan imej profesional Institut. Objektif perkongsian adalah untuk membentuk kesedaran tentang profesion, menjana sumber pendapatan tambahan dan membantu dalam pertambahan keahlian secara selamat bagi tempoh jangka panjang.

MIA turut membentuk perikatan strategik dengan pihak-pihak ketiga untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang membawa pembaharuan kepada para ahli sedia ada dan bertujuan untuk menyokong Institut dengan aktiviti menjana hasil menerusi aktiviti-aktiviti pembangunan dan promosi untuk meningkatkan hasil Institut.

Selain daripada kerjasama ini, jabatan turut memainkan peranan penting dalam memastikan para ahli Institut dimaklumkan dan sedar tentang sumber dan sokongan sedia ada.

Dalam tempoh laporan, beberapa aktiviti pemasaran dan promosi telah dijalankan oleh Jabatan Pemasaran & Promosi:

OBJEKTIF	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1 Untuk mempromosi keahlian Institut di kalangan entiti-entiti korporat.	Suku Pertama & Suku Kedua—Pameran Perekrutan dan pembentangan di organisasi-organisasi berikut: - Lembaga Hasil Dalam Negeri - Cradle Fund Sdn Bhd - ACCA New Members Night - Kumpulan Perangsang Selangor Bhd - IBM	Lebih ramai ahli-ahli telah direkrut.
2 Untuk mempromosi keahlian Institut di kalangan para akademik di Institusi-institusi Pengajian Tinggi.	Suku Keempat—Pembentangan dan taklimat telah dijalankan di universiti-universiti dan politeknik-politeknik berikut: - Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor - Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor - Politeknik Sultan Abd Halim Muadzam Shah, Jitra, Kedah - Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh, Pulau Pinang - Universiti Utara Malaysia, Kedah - Politeknik Kulim Kedah, - Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor - UiTM Jengka, Pahang	Lebih ramai ahli-ahli baru di kalangan ahli akademi berjaya direkrut.
3 Untuk menawarkan faedah yang lebih besar kepada para ahlinya.	Kerjasama dengan TM Info-Media Sdn Bhd (TMIM)—Institut telah bekerjasama dengan TMIM di bawah 'program pengiklanan penaung' untuk menyediakan direktori pengiklanan pilihan kepada para ahli pengamal menerusi direktori dan laman web 'Yellow Pages'.	Pengamal mempunyai saluran tambahan untuk mempromosi perkhidmatan mereka.
4 Untuk menganjurkan acara berprofil tinggi untuk meningkatkan kesedaran tentang profesion perakaunan dan menggalakkan para pelajar mengambil perakaunan sebagai kerjaya pilihan.	ACEF 2009 yang dianjurkan pada bulan April 2009 mendapat sokongan yang berikut: Kementerian-kementerian dan Persatuan-persatuan: - Kementerian Pendidikan (MOE) - Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) - Persatuan Institusi-institusi Pendidikan Swasta Kebangsaan (NAPEI) Badan-badan Perakaunan Profesional yang menyokong: - ACCA Malaysia - CIMA Malaysia Division - CPA Australia - ICAEW - MICPA	Kedudukan dan profil pemasaran MIA di kalangan industri perakaunan telah meningkat dari sudut sasaran audiens. Lebih kurang 4,000 pengunjung telah menghadiri ACEF 2009 dan ia menerima liputan media yang meluas di TV Bernama.

Laporan Majlis: Pengawasan & Penguatkuasaan

SEMAKAN AMALAN

Semakan amalan merupakan satu program yang digunakan oleh para ahli tempatan yang memiliki sijil amalan dan menyediakan khidmat amalan awam. Program ini menyediakan para ahli dalam amalan dengan sebuah rangka kerja prinsip-prinsip asurans kualiti untuk membantu mereka menilai dan memajukan amalan mereka yang menawarkan sokongan dan pandangan yang berguna.

OBJEKTIF	AKTIVITI / INISIATIF	PENCAPAIAN
1 Untuk membantu pengamal memperbaiki kualiti audit firma mereka.	Semakan amalan dapat memenuhi objektif ini melalui pelaksanaan semakan ke atas fail kertas kerja audit yang terpilih.	Pada akhir tahun kewangan, 92 notis semakan, termasuk 20 kes susulan, telah dikeluarkan ke firma-firma audit, dengan demikian menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 455 firma audit dalam tahun 2009 (363 dalam tahun 2008). Pada 30 Jun 2009, MIA telah menjalankan semakan untuk kali pertama ke atas 370 firma audit (309 dalam tahun 2008) atau lebih kurang 27.37% daripada 1,352 firma audit yang berdaftar dengan Institut.
2 Untuk menentukan sama ada firma telah mematuhi audit yang berkenaan dan piawaian perakaunan serta peraturan-peraturan statutori dan kawal selia.	Kitaran semakan yang pertama bagi tempoh 5 tahun telah diterima pada 31 Disember 2008. Oleh itu, laporan tahunan tentang semakan amalan dari tahun 2004 hingga 2008 telah disediakan yang mengandungi beberapa penelitian, hasil penemuan dan cadangan yang membina kepada pengamal dan dihantar ke semua firma audit pada Julai 2009.	Daripada 370 firma, 299 laporan (tidak termasuk kes susulan) telah selesai dan laporan akhir yang seterusnya telah dihantar ke firma-firma setelah mendapat kelulusan daripada jawatankuasa semakan amalan. Baki sebanyak 71 kes sedang berlangsung. Keputusan bagi 299 laporan menunjukkan lebih kurang 8.70% tergolong dalam Kategori 1, 42.14% adalah dalam Kategori 2 dan 49.16% adalah Kategori 3. Kes Kategori 3 akan menghadapi semakan untuk kali kedua memandangkan firma-firma tersebut belum lulus ujian semakan amalan.
3 Untuk mengesan kelemahan-kelemahan dalam amalan audit yang boleh diperbaiki dan diperkukuh oleh pengamal.	Seminar tentang semakan amalan telah dijalankan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu. Carta alir semakan amalan dan senarai semakan juga telah disediakan untuk membantu pengamal dalam memahami proses semakan amalan dengan lebih jelas.	Para pengamal dimaklumkan bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan dalam amalan mereka. Memberi kesedaran tentang program semakan semula yang dijangkakan dan mendapatkan maklumbalas dari para ahli. Mencapai lebih pemahaman terhadap proses semakan amalan dan ketelusan program.

Terdapat tiga (3) pengkelasan kadar laporan yang disemak semula yang lazim dirujuk seperti yang berikut:

- a) Kategori 1 – Memuaskan
- b) Kategori 2 – Jaminan akan disediakan
- c) Kategori 3 – Semakan semula susulan

AUDIT PENDIDIKAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPE)

MIA bertindak untuk memastikan prinsip yang asas bagi etika dan kelakuan profesional dipatuhi oleh semua ahli dengan sewajarnya dalam menjalankan tugas profesional seperti yang diharapkan oleh ahli Institut dalam mematuhi standard teknikal dan profesional. Oleh itu, para ahli mempunyai tanggungjawab kepada dirinya, majikannya, pelanggannya dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan terkini yang mempunyai kesan terhadap tugas profesional semasa mereka dan pada masa akan datang.

OBJEKTIF	AKTIVITI / SINOPSIS	PENCAPAIAN
• Untuk mengekalkan kompetensi profesional dan memastikan ketelitian dijalankan sepanjang masa, seorang akauntan profesional dikehendaki menyertai aktiviti pembelajaran CPE yang relevan kepada tugas dan tanggung jawab profesional semasa dan akan datang.	• MIA berterusan menjalankan audit CPE tahunannya. Untuk kitaran audit 2006–2008, jumlah ahli yang diaudit ialah 599. • Untuk kitaran CPE 2007–2009 yang akan datang, seramai 1,287 ahli terpilih untuk diaudit. E-mel mengenai audit CPE akan dihantar dalam bulan Ogos 2009 kepada para ahli yang terpilih dan ahli tersebut dikehendaki memberi maklum balas dengan mengemas kini rekod CPE mereka di portal web Institut.	• Pada akhir tahun kewangan, bagi kitaran 2006 – 2008, 51% telah mematuhi peraturan CPE dan 9% mempunyai bilangan jam kredit yang tidak mencukupi seperti yang dikehendaki. • Sepanjang tempoh audit, 21% gagal untuk memulangkan borang audit mereka, manakala 1% diberi pengecualian atas sebab masalah kesihatan. Walau bagaimanapun, 18% surat telah dikembalikan kerana ahli-ahli tersebut tidak dapat dikesan di alamat surat menyurat mereka.
• Untuk memastikan usaha kesedaran dalam mengejar pendidikan berterusan, MIA telah membentuk satu mekanisme untuk membantu para ahli dalam memantau pematuan mereka.	• Sistem telah dipertingkatkan yang mana lebih ramai ahli digalakkan untuk mengemaskini rekod mereka secara dalam talian. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti MIA direkodkan secara automatik.	• Para ahli boleh mengemaskini rekod CPE mereka apabila mereka menghadiri aktiviti-aktiviti CPE.

PENELITIAN PENYATA KEWANGAN (FSR)

MIA bertujuan untuk meningkatkan standard pelaporan kewangan di Malaysia dengan memantau pematuan statutori dan peraturan-peraturan lain, piawaian perakaunan yang diluluskan dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia berhubung dengan pelaporan kewangan.

Ia juga bertujuan untuk berkongsi dengan para ahli tentang pelaporan kewangan yang baik berdasarkan hasil penemuan yang dikenal pasti semasa proses semakan.

Fungsi-fungsi FSR MIA merangkumi bidang-bidang yang berikut:

1. Bekerja dengan Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan (FSRC) untuk memantau kualiti penyata kewangan melalui proses penelitian.
2. Bekerja dengan FSRC untuk meneliti kes-kes yang dirujuk oleh pengawal selia yang lain.
3. Menyediakan panduan kepada para ahli tentang pelaporan kewangan yang baik berdasarkan hasil penemuan yang dikenal pasti semasa proses penelitian.
4. Mengikuti laporan media tentang kemungkinan berlakunya perakaunan yang tidak menepati peraturan dan laporan yang tidak tepat dalam syarikat awam tersenarai dan entiti berkepentingan awam dan memberi pandangan tentang tindakan yang patut diambil ke atas ahli yang berkenaan.
5. Menjalankan “penemuan fakta” terhadap kes-kes yang dirujuk oleh pihak pengawal selia yang lain sebelum mendraf aduan tersebut bagi pihak Majlis mengikut Kaedah 3 (3), Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Disiplin) 2002.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

Penelitian Penyata Kewangan (FSR)
–sambung

OBJEKTIF	AKTIVITI / INISIATIF	PENCAPAIAN																								
1 Untuk memantau mematuhan statutori serta peraturan-peraturan lain, piawaian perakaunan yang diluluskan dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia yang berkaitan dengan pelaporan kewangan.	1. Bekerja dengan Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan (FSRC) meneliti penyata kewangan bagi syarikat yang tersenarai.	Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2009, FSRC meneliti 19 penyata kewangan baru bagi syarikat yang tersenarai dan 44 maklum balas bagi soalan yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa. Secara ringkas, <table><thead><tr><th></th><th>PEMILIHAN SECARA RAWAK</th><th>KEPENTINGAN AWAM</th><th>JUMLAH</th></tr></thead><tbody><tr><td>Kes-kes daripada tahun kewangan yang lepas</td><td>8</td><td>1</td><td>9</td></tr><tr><td>Penyata kewangan yang diteliti sepanjang tahun kewangan</td><td>19</td><td>-</td><td>19</td></tr><tr><td>Kes-kes yang ditutup sepanjang tahun kewangan</td><td>(16)</td><td>(1)</td><td>(17)</td></tr><tr><td>Kes-kes yang dibawa ke tahun kewangan yang berikut</td><td>11</td><td>-</td><td>11</td></tr><tr><td>Jumlah maklum balas yang diteliti</td><td>40</td><td>4</td><td>44</td></tr></tbody></table> Sepanjang tahun laporan, FSRC telah merujuk satu kes kepada Jawatankuasa Penyiasatan (IC); dan mengkategorikan satu kes sebagai Kategori 2 penalti tarif, yang mana surat amaran telah dikeluarkan kepada penyedia dan juruaudit atas pelbagai ketidakpatuhan yang berlaku berkaitan peraturan pendedahan bagi Piawaian Pelaporan Kewangan. Penyata kewangan bagi syarikat tersebut juga akan dipantau untuk dua tahun berturut.		PEMILIHAN SECARA RAWAK	KEPENTINGAN AWAM	JUMLAH	Kes-kes daripada tahun kewangan yang lepas	8	1	9	Penyata kewangan yang diteliti sepanjang tahun kewangan	19	-	19	Kes-kes yang ditutup sepanjang tahun kewangan	(16)	(1)	(17)	Kes-kes yang dibawa ke tahun kewangan yang berikut	11	-	11	Jumlah maklum balas yang diteliti	40	4	44
	PEMILIHAN SECARA RAWAK	KEPENTINGAN AWAM	JUMLAH																							
Kes-kes daripada tahun kewangan yang lepas	8	1	9																							
Penyata kewangan yang diteliti sepanjang tahun kewangan	19	-	19																							
Kes-kes yang ditutup sepanjang tahun kewangan	(16)	(1)	(17)																							
Kes-kes yang dibawa ke tahun kewangan yang berikut	11	-	11																							
Jumlah maklum balas yang diteliti	40	4	44																							
